

Tabur bakti kepada anak bangsa

Tekad seorang graduan OKU

UM 23.11.2015 29

Oleh HISYAMUDDIN AYUB

pengarang@utusan.com.my

■ KOTA KINABALU 22 NOV.

MESKIPUN mengalami penadarahan otak di bahagian saraf utama akibat penyakit darah tinggi, niat ikhlas mendidik dan mencurah ilmu kepada anak bangsa tetap kekal utuh.

Demikian tegas graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jackues Mark J. Elip yang berjaya menamatkan pengajian dalam Program Pensiswazahan Guru sempena Majlis Konvokesyen UMS Kali Ke-17.

Dia yang merupakan guru Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan (SK) Inanam Laut, dekat sini, sama sekali tidak patah semangat untuk terus mengajar biarpun diserang penyakit tersebut pada 7 Ogos lalu ketika memandu dan kini dikategorikan sebagai orang kurang upaya (OKU).

Biarpun tiada sebarang kecederaan dalam insiden tersebut, guru berusia 35 tahun itu mengalami gangguan pergerakan, terpaksa berkerusi roda dan kurang fasih untuk bertutur.

Menurut isteri Jackues, Sylvia Kee Yin, akibat serangan penyakit tersebut, suaminya berhadapan dengan kebatasan pergerakan dan

sekadar 70 peratus untuk bertutur dengan baik, namun dia sama sekali tidak patah semangat untuk terus mencurah ilmu buat anak bangsa.

"Setelah lebih 11 tahun mengajar, bidang pendidikan tetap di hati. Malah dia tidak bercadang berhenti daripada mengajar atau masuk ke bahagian pentadbiran di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) biarpun berhadapan dengan kesukaran untuk bergerak," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Dalam pertemuan yang diatur oleh pihak UMS itu, Sylvia yang juga seorang guru di SK Pekan Tenghilan, dekat sini menjadi perantara dalam sesi temuramah bersama Jackues, namun suaminya itu cuba sesekali untuk bercakap.

Malah ketika mahu membentulkan jubah yang dipakai sempena majlis konvokesyen itu, Jackues dilihat terpaksa mendapat bantuan isteri tersayang dan beberapa insan lain yang berada di sampingnya.

Ekoran kejadian yang menimpa Jackues itu, dia kini masih diberi cuti sakit sehingga 10 Disember ini.

Serangan darah tinggi itu berlaku tidak lama selepas Jackues tamat pengajian di UMS dan sedang menanti panggilan untuk majlis Konvokesyen UMS yang berlangsung semalam.



JACKUES MARK J. ELIP (tengah) ditemani Sylvia Kee Yin (dua dari kanan) berkongsi kegembiraan dengan rakan-rakan guru dari SK Inanam Laut selepas Majlis Konvokesyen UMS di Kota Kinabalu, Sabah, semalam. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN